

KESAN PENDEKATAN KONSTRUKTIVISME DAN PENDEKATAN TRADISIONAL DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOMPONEN SASTERA BAHASA MELAYU

(*The Effectiveness of Constructivist Approach and Traditional Approach in Teaching and Learning on Malay Language Literature Component*)

SYAHIDA NADIA ZAKARIAsyasyida2461@gmail.com

Kementerian Pendidikan Malaysia

Dihantar pada:

20 Januari 2015

Diterima pada:

19 Jun 2015

Koresponden:syasyida2461@gmail.com

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesan penggunaan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Komponen Sastera (Komsas) dengan pendekatan tradisional terhadap pencapaian murid tingkatan dua. Sebanyak 66 murid tingkatan dua dipilih sebagai subjek kajian daripada sebuah sekolah menengah di daerah Kluang yang dijalankan menggunakan kajian kuasi eksperimen. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah ujian pra-ujian pasca kumpulan kawalan tidak serupa. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen menggunakan pendekatan konstruktivisme dan kumpulan kawalan menggunakan pendekatan tradisional. Ujian-t telah digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian murid dalam ujian pra bagi kedua-dua pendekatan, tetapi terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pasca. Dalam ujian pasca, min markat bagi kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi berbanding min markat kumpulan kawalan. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme dapat membantu pelajar mempelajari Komsas Bahasa Melayu dengan baik. Implikasi kajian ini ialah guru perlu mengubah suai pendekatan pengajaran mereka agar murid dapat mempelajari Komsas dengan lebih seronok dan bermakna.

Kata Kunci: Pendekatan konstruktivisme, pendekatan tradisional, Komponen Sastera Bahasa Melayu (Komsas), pengajaran dan pembelajaran, kuasi eksperimen

Abstract: The purpose of this study was to identify the effect of the constructivist approach in the teaching and learning literature component of Malay Language (Komsas) compared to traditional approach on student achievement. 66 form two students were selected for this study from a secondary school in Kluang conducted using the quasi-experimental study. The design used was a nonequivalent control group pre-test/post-test design. Students were divided into two groups, experimental group using the constructivist approach and control group using the traditional approach. Independent samples t-test was used to analyze the data. The findings is there is no significant difference against students achievement in the pre-test for both approaches, but there are significant differences in the post-test. In the post-test, the mean scores for experimental group were higher than the mean scores for control group. The data show that constructivist approach helping students learning Malay language much better. By having this study, teachers can transform their teaching approach so that students can learn about literature component with more fun and meaningful.

Keywords: Constructivist approach, traditional approach, Literature Component of Malay Language (Komsas), teaching and learning, quasi-experimental

PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) mempunyai matlamat memperkembangkan fungsi murid secara menyeluruh dan bersepada bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani supaya mereka dapat menjalani kehidupan sehari-hari mereka dengan berkesan dan penuh tanggungjawab. Guru perlu mempunyai kemahiran memilih pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan bijaksana supaya pendekatan yang dipilih itu sesuai dengan kebolehan dan latar belakang pelajar yang pelbagai bagi mencapai objektif pengajaran yang dirancangkan. Pelbagai pendekatan boleh digunakan seperti pendekatan berpusatkan guru, pendekatan berpusatkan murid dan pendekatan berpusatkan bahan (Esah 2003).

Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia. Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan. Matlamat kurikulum Bahasa Melayu pula adalah untuk melengkapkan setiap murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan pekerjaan dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat.

Murid mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (Pusat Perkembangan Kurikulum 2002). Hasil pembelajaran khusus yang perlu dicapai ialah memahami, menguasai dan menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif. Komsas telah dimasukkan dalam perubahan sukatan pelajaran bahasa Melayu ini dengan harapan akan dapat memupuk minat membaca dan melahirkan penghayatan terhadap bahan sastera. Bagi mencapai keberkesanan maksimum dalam PdP Komsas, harus wujud perancangan yang mantap daripada guru, pelajar, dan teks yang dipilih (Othman 2001).

Pendekatan konstruktivisme diguna pakai dalam kajian ini bagi menentukan keberkesanan dari segi peningkatan prestasi pelajar. Pendekatan konstruktivisme merupakan proses pembelajaran

yang menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda murid. Pengetahuan dikembangkan secara aktif oleh pelajar itu sendiri dan tidak diterima secara pasif dari persekitarannya. Hal ini bermakna, pembelajaran merupakan hasil daripada usaha murid itu sendiri dari pengalaman sedia ada mereka dan bukan dipindahkan daripada guru kepada murid. Bagi membantu murid membina konsep atau pengetahuan baru, guru perlu mengambil kira struktur kognitif yang sedia ada pada mereka. Apabila maklumat baru telah disesuaikan dan diserap untuk dijadikan sebahagian daripada pegangan kuat mereka, barulah bentuk baru tentang sesuatu ilmu pengetahuan dapat dibina.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Faktor kegagalan guru dalam penggunaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai menyebabkan murid berasa bosan, mengantuk dan berasa jemu (Abdul Rahim 1998). Beliau menyatakan lagi bahawa pendekatan PdP dalam sesuatu mata pelajaran perlu menarik minat dan mencabar kebolehan murid. Kriteria amat penting untuk menjadikan PdP lebih bersifat kreatif dan inovatif bagi mengembangkan minda kritis dan kreatif murid. Pendekatan pembelajaran yang berpusatkan murid, iaitu penglibatan aktif seperti menyatakan idea dan penulisan secara kritis boleh meningkatkan pencapaian murid. Selain itu juga, dapat merangsang minda dan membantu murid memperoleh serta menguasai pengetahuan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu terutamanya dalam Komsas.

Teori konstruktivisme merupakan suatu teori yang digunakan sebagai panduan dalam pendidikan. Dalam pendidikan konstruktivis, terdapat beberapa prinsip asas, iaitu pengetahuan dibina oleh para murid, setiap murid memiliki idea dan pengetahuan asas, proses pembinaan pengetahuan melibatkan aspek sosial, dan guru merupakan fasilitator dalam pembinaan pengetahuan murid. Penggunaan pendekatan teori PdP memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu PdP dalam bidang pendidikan.

Teori pembelajaran memainkan peranan yang penting kepada guru kerana menerusi teori-teori ini guru akan memahami proses pembelajaran yang berlaku dalam diri murid, memahami faktor

yang mempengaruhi dan mempercepatkan proses pembelajaran para murid (Arif 1987). Selain itu, guru akan dapat membuat ramalan yang tepat tentang hasil yang diharapkan dari proses PdP. Sehubungan dengan itu, salah satu teori yang berkesan dalam proses PdP adalah konstruktivisme. Teori ini pada umumnya adalah merupakan pembelajaran yang menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda manusia.

Mc Brien dan Brandt (1997) menyatakan konstruktivisme adalah satu pendekatan pengajaran berdasarkan penyelidikan tentang bagaimana manusia belajar. Kebanyakan penyelidik berpendapat setiap individu membina pengetahuan dan bukannya menerima pengetahuan daripada orang lain. Teori konstruktivisme menyatakan bahawa murid membina makna tentang dunia dengan mensintesis pengalaman baru kepada apa yang mereka telah fahami sebelum ini (Brooks & Brooks 1993). Mereka membentuk peraturan melalui refleksi mereka dengan objek dan idea. Apabila mereka bertemu dengan objek, idea atau perkaitan yang tidak bermakna kepada mereka, maka mereka akan sama ada menginterpretasi apa yang mereka lihat supaya secocok dengan peraturan yang mereka telah bentuk atau mereka akan menyesuaikan peraturan mereka agar dapat menerangkan maklumat baharu ini dengan lebih baik.

Pengetahuan tidak boleh dipindahkan daripada pemikiran seseorang individu kepada pemikiran individu yang lain. Sebaliknya setiap insan membentuk pengetahuan sendiri dengan menggunakan pengalamannya secara terpilih. Nik Azis (1999), pula menyatakan konstruktivisme adalah tidak lebih daripada satu komitmen terhadap pandangan bahawa manusia membina pengetahuan sendiri. Hal ini bermakna, sesuatu pengetahuan yang dipunyai oleh seseorang individu adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh individu tersebut dan bukan sesuatu maklumat atau pengajaran yang diterima secara pasif dari luar. Pengetahuan tidak boleh dipindahkan daripada pemikiran seseorang individu kepada pemikiran individu yang lain. Sebaliknya setiap insan membentuk pengetahuan sendiri dengan menggunakan pengalamannya secara terpilih.

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, maka pengertian pembelajaran secara

konstruktivisme bolehlah dirumuskan sebagai satu fahaman bahawa murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, murid akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru.

Implikasi dari teori ini adalah PdP akan berpusatkan murid. Pengetahuan yang dipunyai oleh murid adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh murid tersebut dan bukan pengajaran yang diterima secara pasif. Guru pula berperanan sebagai fasilitator yang membantu murid membina pengetahuan dan menyelesaikan masalah. Guru juga sebagai perekam bentuk bahan pengajaran yang menyediakan peluang kepada murid untuk membina pengetahuan baru. Guru akan mengenal pasti pengetahuan sedia ada murid dan merancang kaedah pengajarannya dengan sifat asas pengetahuan tersebut.

PENYATAAN MASALAH

Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang sangat penting yang wajib lulus untuk memastikan murid mendapat sijil untuk menyambung pelajaran ke peringkat tinggi. Murid ialah pewaris yang akan memastikan hala tuju negara, murid perlu memberi sepenuh tumpuan ketika mempelajari mata pelajaran ini, dan guru perlu memberi sepenuh komitmen bagi memastikan isi kandungan mata pelajaran ini dipenuhi sepenuhnya kerana ia merupakan mata pelajaran pengantar ilmu. Perkara ini terkandung dalam Laporan Razak pada tahun 1957 dan tahun 1961 setelah melaksanakan syor yang dikemukakan oleh Jawatan kuasa Penyemak Rahman Talib yang seterusnya menghasilkan Laporan Rahman Talib. Laporan ini bertujuan untuk memungkinkan bahasa Melayu digunakan sepenuhnya sebagai bahasa kebangsaan yang diberi tempat sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan agar dapat berkembang menjadi bahasa yang moden dan mampu menjadi asas pembinaan negara bangsa yang maju dan berdaulat.

Kajian berkaitan konstruktivisme lebih banyak dijalankan dalam mata pelajaran Matematik, Sains, dan juga Sejarah antaranya beberapa kajian lepas seperti kajian Subadrah dan Malar (2005) dalam mata pelajaran Sejarah dan kajian Noor Azliza dan Lilia (2002) terhadap Sains

KBSM. Berdasarkan kajian-kajian lepas tersebut, didapati kajian yang menggunakan model konstruktivisme dalam mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya dalam pembelajaran Komsas masih kurang. Walaupun Bahasa Melayu dilihat sebagai mata pelajaran yang mudah, ia sebenarnya sukar untuk dikuasai tanpa pendekatan atau strategi pembelajaran yang betul terutamanya dalam pembelajaran Komsas.

Di samping itu juga, pengkaji memilih Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan dua sebagai fokus kajian. Komsas merangkumi aspek prosa, puisi, cerpen dan drama. Sistem bahasa yang mapan adalah sangat diperlukan bagi memastikan pelajar dapat menguasai sepenuhnya Komsas yang merupakan pelajaran baru bagi murid di peringkat menengah rendah. Hakikatnya bahawa pelajaran sastera di sekolah merupakan antara pelajaran yang kurang diminati dan menimbulkan kebosanan bukanlah sesuatu yang luar biasa.

Daripada permasalahan ini, pendekatan yang relevan adalah perlu diaplikasikan dalam PdP supaya murid-murid mampu menguasai kemahiran berbahasa dengan lebih baik, terutamanya dalam bidang Komsas untuk mengubah tanggapan murid yang menganggap Komsas sukar dikuasai dan membosankan, sekali gus memupuk semangat cinta akan bahasa kebangsaan dalam kalangan murid. Oleh yang demikian, kajian ini adalah sangat perlu untuk mengetahui sejauh manakah keberkesanan pendekatan konstruktivisme berbanding pendekatan tradisional dalam meningkatkan pencapaian murid.

OBJEKTIF KAJIAN

Pendekatan konstruktivisme merupakan satu pendekatan terkini dalam proses P&P yang boleh digunakan di dalam kelas kepelbagaiannya murid. Secara khusus objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara markat pencapaian murid pendekatan konstruktivisme dengan murid pendekatan tradisional dalam ujian pra bagi pelajaran Komsas tingkatan dua.
2. Menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara markat pencapaian murid pendekatan konstruktivisme dalam

ujian pra dengan ujian pasca bagi pelajaran Komsas tingkatan dua.

3. Menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara markat pencapaian murid pendekatan tradisional dalam ujian pra dengan ujian pasca bagi pelajaran Komsas tingkatan dua.
4. Menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara markat pencapaian murid pendekatan konstruktivisme dengan pelajar pendekatan tradisional dalam ujian pasca bagi pelajaran Komsas tingkatan dua.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ditentukan melalui tujuan dan objektif kajian yang telah dirumuskan. Terdapat beberapa persoalan dalam kajian ini iaitu:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara markat pencapaian murid pendekatan konstruktivisme dengan murid pendekatan tradisional dalam ujian pra bagi pelajaran Komsas tingkatan dua?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara markat pencapaian murid pendekatan konstruktivisme dalam ujian pra dengan ujian pasca bagi pelajaran Komsas tingkatan dua?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara markat pencapaian murid pendekatan tradisional dalam ujian pra dengan ujian pasca bagi pelajaran Komsas tingkatan dua?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara markat pencapaian murid pendekatan konstruktivisme dengan murid pendekatan tradisional dalam ujian pasca bagi pelajaran Komsas tingkatan dua?

HIPOTESIS KAJIAN

Berikut ialah hipotesis nul yang diuji pada paras signifikan 0.05:

Ho1 – Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markat pencapaian murid pendekatan konstruktivisme dengan murid pendekatan tradisional dalam ujian pra bagi pelajaran Komsas tingkatan dua.

Ho2 – Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markat pencapaian murid

pendekatan konstruktivisme dalam ujian pra dengan ujian pasca bagi pelajaran Komsas tingkatan dua.

Ho3 – Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markat pencapaian murid pendekatan tradisional dalam ujian pra dengan ujian pasca bagi pelajaran Komsas tingkatan dua.

Ho 4 – Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markat pencapaian murid pendekatan konstruktivisme dengan murid pendekatan tradisional dalam ujian pasca bagi pelajaran Komsas tingkatan dua.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kuasi eksperimen iaitu melibatkan murid-murid di dalam bilik darjah yang sedia ada (Wiersma 2000). Penyelidikan ini dijalankan dalam satu persekitaran yang terkawal yang melibatkan dua kumpulan murid. Subjek kajian dibahagikan kepada kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan konstruktivisme dan kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan tradisional. Reka bentuk kajian kuasi eksperimen yang digunakan pula ialah reka bentuk ujian pra-ujian pasca kumpulan kawalan tidak serupa (*nonequivalent control group of pre-test/post-test design*) yang disarankan dan dimajukan oleh Wiersma (2000: 133). Reka bentuk kajian ini adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Reka bentuk kajian kuasi eksperimen
(Sumber: Wiersma 2000: 133)

| Kumpulan Eksperimen (Pendekatan Konstruktivisme) | Ujian Pra | X* | Ujian Pasca |
|---|-----------|----|-------------|
| Kumpulan Kawalan (Pendekatan Tradisional) | Ujian Pra | Y* | Ujian Pasca |

X*: Pengajaran menggunakan pendekatan konstruktivisme selama tiga minggu

Y*: Pengajaran menggunakan pendekatan tradisional selama tiga minggu

Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan dengan melibatkan 66 orang murid di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Kluang, Johor. Hanya dua kelas daripada murid tingkatan dua dijadikan subjek kajian yang terdiri

daripada pelbagai jantina, agama, bangsa, dan latar belakang keluarga. Mereka dipecahkan kepada dua kumpulan mengikut kelas masing-masing. Kumpulan eksperimen diajar menggunakan pendekatan konstruktivisme, manakala kumpulan kawalan diajar menggunakan pendekatan tradisional. Kedua-dua kumpulan yang dipilih ini adalah setara dan mempunyai keputusan yang hampir sama berdasarkan pencapaian Bahasa Melayu mereka dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2012.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, alat kajian yang digunakan ialah persediaan mengajar untuk kumpulan eksperimen (pendekatan konstruktivisme) dan kumpulan kawalan (pendekatan tradisional) dan ujian pra dan pasca. Persediaan mengajar perlu disediakan untuk jangka masa tiga minggu pengajaran bagi tujuan PdP kedua-dua kelas eksperimen dan kelas kawalan. Persediaan mengajar ini penting bagi memastikan guru tidak tersasar dari skop pengajaran secara konstruktivisme dan tradisional.

Ujian pra dijalankan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen sebelum pengajaran pertama dimulakan untuk menguji tahap pengetahuan sedia ada para murid tentang bahan PdP yang dipilih dalam kajian ini. Ujian pasca bertujuan untuk menguji tahap kefahaman responden terhadap tajuk Komsas yang dipilih dan mengkaji setakat mana keberkesanan sesi pembelajaran secara konstruktivisme mahupun secara tradisional. Ujian pasca juga mengandungi soalan yang sama seperti ujian pra supaya perbandingan yang berpadanan dapat dilakukan.

DAPATAN KAJIAN

Pencapaian Ujian Pra Komsas bagi Murid Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan

Ujian-t digunakan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian dan menguji hipotesis yang telah dikemukakan. Kajian ini menumpukan kepada perbandingan pencapaian Komsas murid tingkatan dua antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan. Jadual 2, menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara antara min kedua-dua pendekatan ini apabila ujian-t ditaksirkan.

Bagi pendekatan konstruktivisme, iaitu kumpulan eksperimen mencatatkan min sebanyak 25.35 dan sisihan piawainya 6.28. Min bagi kumpulan kawalan ialah 24.88 dan sisihan piawainya 6.14.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan sedia ada kedua-dua kumpulan adalah setara. Hasil ujian menunjukkan nilai-t sebanyak 0.313 dan nilai signifikan sebanyak 0.756. Perbezaan ini bermakna aras signifikan $p>0.05$ (iaitu 0.756). Oleh itu, hipotesis nul 1 diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markat pencapaian pelajar pendekatan konstruktivisme dengan murid pendekatan tradisional dalam ujian pra bagi pelajaran Komsas tingkatan dua.

Jadual 2. Ujian-t perbezaan pencapaian antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra

| Ujian | Kumpulan | Min | Sisihan Piawai | Nilai-t | Signifikan |
|-------|-------------------|-------|----------------|---------|------------|
| Pra | Eksperimen (N=34) | 25.35 | 6.28 | 0.313 | 0.756 |
| | Kawalan (N=32) | 24.88 | 6.14 | | |

Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca Komsas bagi Murid Kumpulan Eksperimen

Jadual 3, mendapati bahawa min ujian pra bagi kumpulan eksperimen ini hanyalah 25.35 sementara min ujian pascanya telah meningkat kepada 84.41. Bagi sisihan piawai ujian pra dan ujian pasca pula masing-masing ialah 6.28 dan 5.48. Hal ini jelas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan min pencapaian murid dalam Komsas selepas rawatan diberikan kepada kumpulan eksperimen. Didapati bahawa, terdapat perbezaan yang signifikan antara min ujian pra dan ujian pasca apabila ujian-t ditaksirkan. Hasil ujian menunjukkan nilai $t = -41.321$ dan nilai $p = 0.000$. Perbezaan ini bermakna aras signifikan $p<0.05$. Oleh itu, hipotesis nul 2 perlu ditolak.

Jadual 3: Ujian-t perbezaan pencapaian antara ujian pra dengan ujian pasca bagi kumpulan eksperimen

| Kumpulan | Ujian | Min | Sisihan Piawai | Nilai-t | Signifikan |
|------------|-------|-------|----------------|---------|------------|
| Eksperimen | Pra | 25.35 | 6.28 | -41.321 | 0.000 |
| | Pasca | 84.41 | 5.48 | | |

Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca Komsas bagi Murid Kumpulan Kawalan

Min ujian pra menunjukkan sebanyak 24.88 manakala min ujian pasca bagi pendekatan tradisional pula ialah 68.44 (lihat Jadual 4). Sisihan piawai bagi ujian pra ialah 6.14 sementara bagi ujian pasca pula sebanyak 8.53. Perkara ini memperlihatkan bahawa pendekatan tradisional juga turut berperanan dalam meningkatkan pencapaian pelajar kumpulan kawalan. Namun begitu, pencapaiannya agak kurang sedikit berbanding dengan pelajar dalam kumpulan eksperimen. Apabila ujian-t ditaksirkan, didapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min ujian pra dan pasca. Hasil ujian memperlihatkan nilai $t = -23.457$ dan nilai $p = 0.000$. Perbezaan ini bermakna aras signifikan $p < 0.05$. Justeru hipotesis nul 3 ditolak.

Jadual 4: Ujian-t perbezaan pencapaian antara ujian pra dengan ujian pasca bagi kumpulan kawalan

| Kumpulan | Ujian | Min | Sisihan Piawai | Nilai-t | Signifikan |
|----------|-------|-------|----------------|---------|------------|
| Kawalan | Pra | 24.88 | 6.14 | -23.457 | 0.000 |
| | Pasca | 68.44 | 8.53 | | |

Pencapaian Ujian Pasca Komsas bagi Murid Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan

Jadual 5, menunjukkan hasil dapatan bagi ujian pasca untuk kedua-dua pendekatan. Daripada analisis tersebut, terdapat perbezaan yang signifikan antara min kumpulan eksperimen dengan min kumpulan kawalan. Min ujian pasca pendekatan konstruktivisme didapati meningkat kepada 84.41 dan sisihan piawainya 5.48. Bagi kumpulan kawalan pula, minnya juga meningkat tetapi tidak sebanyak kumpulan eksperimen iaitu setakat 68.44 dan sisihan lazimnya 8.53. Min kedua-dua kumpulan itu mempunyai perbezaan sebanyak 15.97.

Hasil ujian memperlihatkan nilai-t ialah 9.110 dan nilai signifikan ialah 0.000. Perbezaan ini menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme lebih berkesan berbanding pendekatan tradisional bagi PdP Komsas Bahasa Melayu. Aras signifikannya ialah $p < 0.05$. Justeru,

hipotesis nul 4 ditolak, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markat pencapaian murid pendekatan konstruktivisme dengan murid pendekatan tradisional dalam ujian pasca bagi pelajaran Komsas tingkatan dua.

Jadual 5: Ujian-t perbezaan pencapaian antarakumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam ujian pasca

| Ujian | Kumpulan | Min | Sisihan Piawai | Nilai-t | Signifikan |
|-------|-------------------|-------|----------------|---------|------------|
| Pasca | Eksperimen (N=34) | 84.41 | 5.48 | 9.110 | 0.000 |
| | Kawalan (N=32) | 68.44 | 8.53 | | |

PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan terhadap murid tingkatan dua dalam PdP Komsas melalui pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional, kedua-dua pendekatan ini dilihat mempunyai perbezaan dari segi keberkesanannya. Dalam ujian pra, pemilihan murid daripada kedua-dua kumpulan ini ternyata tepat apabila hasil dapatkan menunjukkan tiada perbezaan signifikan keputusan pencapaian antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan. Hal ini jelas telah menunjukkan bahawa murid daripada kedua-dua kumpulan mempunyai pengetahuan sedia ada dan pengalaman yang berada pada tahap yang sama.

Apabila didedahkan dengan pelajaran Komsas selama tiga minggu dan diuji dengan ujian pasca, didapati pencapaian murid kumpulan eksperimen lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan. Walaupun pencapaian murid kumpulan kawalan turut meningkat pada akhir minggu yang ketiga, namun ia masih tidak dapat mengatasi kumpulan pendekatan konstruktivisme. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, pendekatan konstruktivisme yang cuba diterapkan dalam PdP Komsas lebih berkesan dan dapat meningkatkan prestasi murid secara umumnya.

Jelas bahawa pendekatan konstruktivisme ini lebih mendatangkan kebaikan berbanding dengan pendekatan tradisional yang diamalkan sebelum ini. Pernyataan ini adalah bersesuaian dengan kajian yang dilakukan oleh Subadrah dan Malar (2005), yang mendapati murid lebih mudah memahami mata pelajaran Sejarah dan lebih

berminat mempelajari subjek ini dengan menggunakan pendekatan konstruktivisme. Begitu juga dengan kajian Zurainu dan Abdull Sukor (2012) yang mendapati terdapat peningkatan pencapaian Komsas terhadap pelajar Cina yang lebih tinggi apabila menggunakan pendekatan konstruktivisme berbanding dengan pendekatan secara tradisional.

Pendekatan konstruktivisme juga didapati dapat membantu murid membentuk kefahaman terhadap sesuatu situasi yang baharu. Perkara ini disokong dengan pendapat Lieu (1997), Curtis (1998) dan Sushkin (1999) yang menegaskan dalam pengajaran Sains, pendekatan konstruktivisme dapat membantu murid untuk mengikuti urutan pengajaran ke arah membentuk perkembangan kefahaman yang betul tentang sesuatu fenomena atau prinsip sains.

Di samping itu, kajian Abdul Jalil dan Bahtiar (2005), mendapati pembelajaran secara konstruktivisme dalam membimbing murid menulis karangan berpandu telah memberi kesan yang sangat efektif dan signifikan kepada murid-murid kerana belajar bahasa adalah proses yang berterusan dan memerlukan pemerhatian guru kerana penguasaan bahasa juga adalah satu proses sosial yang utama. Situasi ini amat selari dengan kajian ini kerana didapati pendekatan konstruktivisme telah memberi peluang kepada murid untuk belajar secara berkumpulan dalam melakukan setiap aktiviti.

Kajian mereka mendapati bahawa murid lebih mudah memberi maklum balas sekiranya murid didedahkan dengan pembelajaran konstruktivisme kerana murid dapat membuat pencarian maklumat sendiri mengikut kehendak dan kesediaan masing-masing. Berdasarkan kajian-kajian yang dilakukan baik di dalam maupun di luar negara, sangat menyokong dapatan yang diperoleh oleh pengkaji iaitu pendekatan konstruktivisme lebih berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid berbanding dengan pendekatan tradisional khususnya bagi PdP Komsas Bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan hasil kajian yang diperoleh menunjukkan objektif kajian yang ditetapkan di awal kajian telah tercapai. Kajian ini telah memperoleh dapatan bahawa pendekatan

konstruktivisme meningkatkan prestasi murid tingkatan dua dalam Komsas yang memberi kesan positif kepada murid. Ia juga dapat mengenal pasti potensi murid secara keseluruhan melalui ujian pra dan pasca. PdP secara konstruktivisme lebih efektif berbanding PdP secara tradisional berdasarkan hasil dapatan kajian ini.

Pelaksanaan pendekatan konstruktivisme ini menjadi medium utama dalam memperkasakan pembelajaran bagi menghasilkan pembelajaran yang efektif serta melahirkan murid yang lebih kreatif dan inovatif dalam pembelajaran mereka. Dengan itu, murid harus bersedia dalam menghadapi pembelajaran secara aktif. Pendekatan konstruktivisme dapat menggalakkan murid untuk belajar secara kendiri dalam mencari ilmu. Oleh itu, dengan adanya kajian ini dapatlah para guru mengubahsuai pendekatan pengajaran mereka agar murid dapat mempelajari Komsas dengan lebih seronok dan bermakna. Pendekatan ini diharapkan dapat melahirkan graduan yang berilmu, tetapi juga pandai berdikari dan berani menghadapi sebarang cabaran dalam dunia era informasi dan globalisasi.

RUJUKAN

- Abdul Jalil Othman & Bahtiar Omar. (2005). Aplikasi pembelajaran secara konstruktivisme dalam pengajaran karangan berpandu. *Makalah Pendidikan*, 4: 6-8.
- Abdul Rahim Abu Bakar. (2000). *Bahasa Jiwa Bangsa. Perspektif politik dan pejuang Bahasa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Abdul Rahim Rashid. (19980). *Ilmu Sejarah: Teori dan amalan dalam pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Shukor. (2003). Hubungan motivasi, keupayaan mengajar dan komitmen kerja dengan prestasi kerja guru bahasa Melayu sekolah menengah. Kajian Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.
- Afendi Hamat & Mohamed Amin Embi. (2010). Constructivism in the design of online learnings tools. *European Journal of Educational Studies*, 2: 3-13.
- Akta Pendidikan. 1996. Surat Pekeliling ikhtisas Bil. 5/1998. Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.
- Arif Sukardi. (1987). *Prinsip-prinsip (teori) pembelajaran*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif. (2005). *Membentuk identiti remaja*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Brooks, J.G.& Brooks, M.G. (1993). *In search of understanding: the case for constructivist classroom*. Alexandria, VA; Association for Supervision and Curriculum Development.
- Christie, A. (2005). Constructivism and its implications for educators. <http://alicechristie.com/edtech/learning/constructivism/index.htm>
- Curtis, K.D.B. (1998). A modified research approach teaching style in a high school chemistry classroom. Doctoral Dissertation, West Virginia University. *Dissertation Abstract International*, Vol. 589-03A AA19727673.
- Dewey, J. (1938). *How we think. Revised and expand edition*. Houghton: Mifflin.
- Esah Sulaiman. (2003). *Amalan profesionalisme perguruan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamidah Minhad. (2004). Strategi pengajaran komponen sastera dalam Bahasa Melayu di SMK dan SMJK di negeri Melaka. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- IskandarShah.(2003). Kesan dua strategi pengajaran terhadap pembelajaran Komponen Sastera di Sekolah Menengah Tun Tuah Melaka. Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamaruzaman Abdullah. (2000). Rasional dan falsafah pengajaran Sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kertas kerjadi Seminar Kebangsaan Teks Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu. Kuala Lumpur, 12-14 Julai.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2001). *Huraian sukanan pelajaran Bahasa Melayu. Edisi penyesuaian*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

- Lieu, S.C. (1997). Teacher understanding of the nature of science and its impact on students learning about the nature of science in STS/constructivist classrooms. *Doctoral Dissertation Abstract International*, Vol. 58-08 AAA 19805694.
- Marohaini Yusoff & Zulkifli A. Manaf. (1997). Pengajaran kemahiran menulis karangan bahasa Melayu di sekolah menengah: Satu penilaian kualitatif. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 5 (2): 65-71.
- Mc Brien, J.L. & Brandt, R.S. (1997). *The language of learning: A guide to education terms*. Alexandria VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Mohd Majid Konting. (2001). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abd. Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang. (2008). *Psikologi pendidikan dan pedagogi: Murid dan alam belajar*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Needham, R. (1987). Teaching strategies for developing understanding in science. The University Leeds: Centre for Studies in Science and Mathematics Education.
- Nik Aziz Nik Pa. (1999). *Pendekatan konstruktivisme radikal dalam pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noor Azliza Che Mat & Lilia Halim. (2002). Reka bentuk dan keberkesanan pembelajaran berbantuan multimedia pendekatan konstruktivisme bagi sains KBSM. *Jurnal Teknologi*, 36: 1-38.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill (M) Sdn. Bhd.
- Nur Aisyah Mohamed Noor. (2011). Pembangunan dan penilaian perisian PPBK (Multimedia) novel 'Istana Menanti' dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu tingkatan 1. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Puteh. (2001). Strategi pengajaran bahasa sastera dalam Bahasa Melayu. *Dewan Siswa*, 3: 20-21.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2002). *Huraian Sukatan Pelajaran tingkatan empat KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Samat Buang. (1996). Pendekatan, kaedah dan teknik dalam pendidikan Bahasa Melayu menggunakan bahan Sastera. *Jurnal Dewan Bahasa*, 20(3): 205-213.
- Seman Salleh. (2005). Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Kesusastraan Melayu (Komsas) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Normaniseh Zakaria. (2003). Strategi pengajaran Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Subadrah Nair & Malar Muthiah. (2005). Penggunaan model konstruktivisme lima fasa Needham dalam pembelajaran sejarah. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, 20: 21-41.
- Subadrah Nair. (2000). Kesan skema terhadap kefahaman bacaan bahan sastera, *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan & Pembangunan Dalam Pendidikan 2000*, 113-115. Pulau Pinang: Penerbitan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia.
- Susan Hanley. (1994). Dicapai daripada: <http://www.towson.edu/csme/mcpp/Essay/Constructivism.txt>.
- Sushkin, N. (1999). Dicapai daripada: <http://carbon.cudenver.edu/mryder/ite-data/constructivism.html>.
- Vygotsky, L.S. (1978). *Mind in society*. Cambridge, MA.: Harvard University Press.
- Wiersma, W. (2000). *Research methods in educational: An introduction*. 7th Ed. Boston: Allyn and Bacon.
- Yin, R. 1994. *Case study research: Design and methods*. 2nd Eds.. Beverly Hills, CA: Sage Publishing.

- Zamri Mahamod. (2006). Penggunaan strategi membaca dan menulis oleh murid cemerlang dan murid lemah dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 6 (2): 328-362.
- Zamri Mahamod. (2011). Memperkasa guru, Mempercekap pelajar: Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam abad ke-21. Kertas kerja Ucap Utama di Seminar Bahasa Melayu Singapura 2011. Pusat Bahasa Melayu Singapura, 1 Jun 2011.
- Zamri Mahamod. (2012). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod & Nur Aisyah Mohamad Noor.(2011). Persepsi guru tentang penggunaan aplikasi multimedia dalam pengajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11 (3): 163-177.
- Zuraidah Abd.Karim. (2008). Aplikasi e-pembelajaran dalam pengajaran Bahasa Melayu: Kajian kes di sekolah bestari. Tesis Dr. Falsafah Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zurainu Mat Jasin& Abdull Sukor Shaari. (2012). Keberkesanan model konstruktivisme lima fasa Needham dalam pengajaran Komsas Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (5): 79-92.